

KUTKM-CTRM meterai perjanjian tingkatkan kepakaran aeroangkasa

Archival News | Utusan Malaysia | 10/01/2006

MELAKA 9 Jan. — Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) hari ini menandatangani memorandum persetujuan (MoA) dengan syarikat Composite Technology Research Malaysia (CTRM) bagi meningkatkan lagi hubungan kepakaran dalam teknologi pembuatan komposit dan aeroangkasa di negeri ini.

Timbalan Rektor Penyelidikan dan Pengkomersialan Inovasi, Datuk Prof. Madya Dr. Abu Bakar Mohamad Diah berkata, memorandum yang ditandatangani adalah lanjutan daripada kerjasama yang pernah dimeterai sebelum ini.

Menurut Abu Bakar, ia bagi membolehkan satu program biasiswa ditawarkan kepada pelajar yang layak selain memperkenalkan kursus 'Lean Manufacturing' di universiti berkenaan.

''Program biasiswa CTRM dijangka dapat memberi peluang kepada kira-kira 10 pelajar di sini untuk menjalani latihan industri secara sistematis dalam bidang aeroangkasa selama lapan bulan.

''Pelajar yang terpilih juga berpeluang untuk menyertai syarikat CTRM setelah menamatkan pengajian masing-masing,'' katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Pada majlis yang diadakan di Langkawi, Kedah itu, rektor KUTKM Datuk Prof. Ismail Hassan telah menandatangani memorandum berkenaan bagi pihak KUTKM manakala syarikat CTRM diwakili oleh oleh Ketua Pegawai Eksekutifnya, Kolonel (B) Rosdi Mahmud.

(Source : Utusan Malaysia)